

Menyorot Sejarah Cukai Langsung Negara

Bersandarkan keperluan untuk menggalakkan pelaburan dari luar negara dalam merangsang ekonomi domestik, kerajaan telah memperkenalkan “Ordinan Bertaraf Perintis 1958” pada tahun 1958. Akta ini diperkenalkan oleh kerajaan sebagai mekanisme untuk menggalakkan pelaburan berteraskan industri di Malaysia. Melalui Ordinan ini, firma dan syarikat yang layak diberikan taraf perintis akan diberikan pengecualian cukai pendapatan bagi tempoh dua tahun hingga lima tahun. Selaras dengan perkembangan semasa, Ordinan ini digantikan dengan Akta Galakan Pelaburan 1986 dan seterusnya digantikan dengan Akta Penggalakan Pelaburan 1986 dan kekal hingga hari ini. Akta ini merupakan pakej insentif ataupun dikenali sebagai ‘insentif cukai’ yang diberikan kepada syarikat dan firma yang berkelayakan. Tujuan utama adalah untuk menarik pelaburan dari luar negara supaya mereka menanam modal di Malaysia sekali gus menjana peluang pekerjaan dan memberikan galakan kepada ekonomi domestik.

Bagi tempoh 1976 hingga 1980, cukai pendapatan telah menjadi sumber hasil utama dengan menyumbang lebih separuh daripada hasil negara, iaitu cukai korporat merupakan penyumbang terbesar diikuti dengan cukai petroleum dan cukai individu. Kejayaan Malaysia melonjakkan kutipan hasil negara membuktikan bahawa dasar dan perancangan ekonomi yang dirangka telah membuahkan hasil. Peralihan dasar dan polisi ekonomi negara yang lebih mesra pelabur dengan pelaksanaan insentif cukai bagi menggalakkan pelaburan telah merangsang ekonomi domestik. Hal ini mewujudkan persekitaran ekonomi yang lestari dan rakyat jelata mampu berbelanja kerana mempunyai pendapatan boleh guna. Tambahan pula, polisi kerajaan yang menggalakkan penyertaan sektor swasta juga telah memacu pertumbuhan ekonomi negara dan berjaya melonjakkan Malaysia hingga kedudukan pada hari ini.

Pada tahun 1980-an, negara mengalami kemelesetan ekonomi yang terburuk dalam sejarah negara. Kemelesetan ekonomi yang melanda merupakan cabaran kepada pihak kerajaan dalam memastikan pertumbuhan yang mampan sebagaimana pertumbuhan ekonomi negara pada era 1960-an hingga era 1970-an. Kemelesetan ekonomi yang melanda menyebabkan permintaan bahan mentah di pasaran dunia berkurangan, lantas kerajaan mencari idea dan kerangka dasar dalam mempelbagaikan sektor ekonomi negara. Antara langkah yang diambil oleh kerajaan termasuklah menyemak semula dasar percukaian negara. Selain itu, kerajaan juga memperkenalkan beberapa dasar seperti pelibatan sektor swasta dalam agenda pembangunan ekonomi negara bagi memastikan ekonomi negara berada pada laluan yang betul. Hasilnya, ekonomi beransur pulih pada awal tahun 1990-an dan ketika itu ekonomi negara mencatatkan pertumbuhan Keluaran

Dalam Negara Kasar (KDNK) antara tujuh peratus hingga lapan peratus sekali gus merupakan antara yang tertinggi di Asia Tenggara.

Dasar percukaian negara terus ditambah baik melalui pelaksanaan Dasar Pembangunan Nasional (DPN) (1991-2000). DPN merupakan dasar ekonomi inklusif yang diperkenalkan oleh kerajaan sebagai tunjang pelaksanaan Rangka Rancangan Jangka Panjang (RRJP2) yang dirangka dalam Rancangan Malaysia Keenam (RMKe-6) dan RMKe-7. Pengenalan Wawasan 2020 oleh kerajaan telah mendesak kerajaan untuk mencari solusi dan kerangka ekonomi yang terbaik dalam mendasari Wawasan 2020 tersebut. Oleh itu, lahirlah DPN yang telah memacu pertumbuhan ekonomi negara selaras dengan visi dan misi Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang diperkenalkan sebelum ini. Pelaksanaan DPN bertujuan untuk mewujudkan satu corak pembangunan yang lebih seimbang dan merangkumi aspek kritikal.


Dalam mendukung aspirasi DPN, Dasar Percukaian negara juga digubal dan dikemas kini melalui Akta Penggalakan Pelaburan 1986 dan Elaun Pelaburan Semula di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967. Melalui akta tersebut, pelibatan sektor swasta dapat dipertingkatkan melalui insentif cukai yang diberikan kepada syarikat yang beroperasi di Malaysia. Dalam memperkukuh ekonomi negara, kerajaan telah melaksanakan Koridor Raya Multimedia (MSC) pada tahun 1998 bagi melonjakkan negara sebagai peneraju dalam bidang teknologi maklumat serantau. Pelaksanaan koridor tersebut menyaksikan Cyberjaya dijadikan sebagai tapak asas MSC dengan penawaran prasarana canggih serta insentif yang mampu menarik perhatian pelabur luar ke Malaysia. Antara insentif cukai yang diberikan termasuklah:

- Pengecualian cukai pendapatan selama lima tahun yang boleh dilanjutkan sehingga 10 tahun.
- Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 100 peratus bagi perbelanjaan modal selama lima tahun.
- Penghapusan duti import sebarang peralatan multimedia yang diimport bagi kegunaan syarikat di MSC.

Kutipan cukai pendapatan mengalami sedikit kemerosotan pada tahun 1998 dan 1999. Pada tahun 1997, kutipan cukai pendapatan negara berjumlah RM30.48 bilion, namun jatuh sedikit pada tahun 1998 dengan kutipan sebanyak RM29.98 bilion dan RM27.05 bilion pada tahun 1999. Namun begitu, kutipan cukai pendapatan mula meningkat semula pada tahun 2000 dan tahun seterusnya. 

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Bahagian 1: Menyorot Sejarah Cukai Langsung Negara



Melintang

1. Apakah sumber hasil utama kerajaan bagi tempoh 1976 hingga 1980?
2. _____ percukaian negara telah ditambah baik melalui pelaksanaan Dasar Pembangunan Nasional (1991 hingga 2000).
3. Akta Penggalakan Pelaburan 1986 juga dikenali sebagai _____.
4. Malaysia merupakan antara negara tertinggi di _____ yang mencatatkan pertumbuhan KDNK pada awal tahun 1990-an.
5. Peralihan dasar dan polisi ekonomi negara yang lebih mesra pelabur dengan pelaksanaan insentif cukai bagi menggalakkan pelaburan telah merangsang _____.

Menegak

6. Kerajaan telah memperkenalkan "Ordinan Bertaraf Perintis 1958" bagi menggalakkan _____ dari luar negara dalam merangsang ekonomi domestik.
7. Selain cukai korporat dan individu, cukai _____ turut menyumbang kepada hasil negara.
8. Antara tujuan insentif cukai diperkenalkan termasuklah _____.

PERATURAN

1. Semua pembaca *Dewan Siswa* yang berumur antara 13 tahun hingga 21 tahun boleh menyertai peraduan ini, kecuali kakitangan dan keluarga Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan Dewan Bahasa dan Pustaka.
2. Keputusan pengadil muktamad dan sebarang surat-menyerat tidak akan dilayan.
3. Tekaian hendaklah sampai kepada kami sebelum atau pada **30 April 2024**. Jawapan yang diterima dengan lebih awal dan betul semua jawapannya akan diberikan keutamaan.
4. Sertakan nama penuh, alamat, nombor telefon dan jawapan yang tepat.

Borang Penyertaan

Nama : No. Kad Pengenalan :
 Alamat Rumah : No. Telefon :
 Nama Bank :
 No. Akaun Bank :
 Nama Sekolah/Institut : (Akaun bank milik peserta)
 E-mel :

Alamatkan jawapan anda kepada:

Editor *Dewan Siswa*, Bahagian Majalah, Dewan Bahasa dan Pustaka, 50460 Kuala Lumpur atau e-melkan kepada sitiirni@dbp.gov.my atau syafiqahkhalid@dbp.gov.my

HADIAH
MENARIK MENANTI
PEMENANG